

26 JANUARI 2018

**Tiga lelaki gagal seludup 185kg
daun ketum**

Ms.23

→ **JENAYAH****Tiga lelaki
gagal seludup
185kg
daun ketum**

Padang Terap: Cubaan tiga individu menyeludup 185 kilogram (kg) daun ketum dengan motosikal ke negara jiran, gagal apabila kegiatan itu dikesan anggota Batalion 5, Rejimen Sempadan (5RS) di sini, semalam.

Tiga lelaki terbabit dikesan dalam keadaan mencurigakan apabila masing-masing membawa guni di belakang motosikal ketika melalui kawasan operasi Gubir Pos Batu 34 di sini, kira-kira jam 8 pagi.

Panglima 6 Briged, Brig Jeneral Abdul Azizi Ismail, berkata sepasukan anggota 5RS diketuai Leftenan Muda Muhamad Farid Mahfoz, menghampiri tiga lelaki itu untuk tujuan pemeriksaan, tetapi mereka melarikan diri dengan meninggalkan motosikal bersama guni yang dibawa.

"Pemeriksaan lanjut mendapati guni dibawa tiga individu itu berisi 185kg daun ketum yang dianggar bernilai RM17,575.

"Kami turut merampas tiga botol berisi air ketum serta tiga motosikal digunakan suspek dengan jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan RM28,605," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Tahan 7 pendatang

Dalam tangkapan berasingan, Abdul Azizi berkata, tujuh pendatang asing tanpa izin warga Myanmar ditahan anggota 5RS yang melakukan rondaan bermotosikal diketuai Koperal Mohd Zamri Mustafa, sejurus mereka menyusup masuk ke negara ini menerusi pagar sempadan.

"Semua pendatang terdiri daripada lima wanita dan dua lelaki itu ditahan selang setengah jam selepas rampasan daun ketum dilakukan. Ketika dihampiri, mereka cuba lari dan bersembunyi dalam semak berhampiran.

"Selepas ditangkap, pemeriksaan dilakukan menemui sebuah beg komputer riba, dua beg tangan, lima telefon serta beberapa peralatan lain termasuk lima kad pengenalan Myanmar milik mereka.

"Semua tujuh pendatang tanpa izin berusia antara 17 hingga 40 tahun itu dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap untuk tindakan lanjut," katanya.

Abdul Azizi berkata, pihaknya akan terus meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan sempadan dan sepanjang minggu ini, pihaknya menumpaskan tiga kes penyeludupan serta dua kes membabitkan pendatang tanpa izin.



Pemeriksaan lanjut mendapati guni dibawa tiga individu itu berisi 185kg daun ketum yang dianggar bernilai RM17,575"

Abdul Azizi Ismail,
Panglima 6 Briged